

PERKARA : PTS01 – TULISAN SPESIFIKASI

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

- a) Kayu hendaklah dirawat untuk memberikan ketahanan dan kekuatan yang maksimum. Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi Rawatan Kepada Kayu.

(12 markah)

- b) Nyatakan kegunaan kayu berdasarkan kepada gred kayu seperti yang dinyatakan di dalam spesifikasi piawai JKR berikut:

Gred Kayu	Kegunaan
Gred Struktur Piawai	i)
Gred Bermutu	ii)
Gred Kegunaan Am	iii)

(3 markah)

- c) Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi Kerja Lantai Kayu.

(5 markah)

SOALAN 2

- a) Tuliskan spesifikasi piawai JKR mengenai Lengkapan Pintu bertanda **i hingga iv** bagi jenis-jenis pintu seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual di bawah

Bil.	Ruang	Jenis Pintu	Lengkapan Pintu
1.	Bilik Guru	Pintu Satu Daun	i
2.	Bilik Darjah	Pintu Dua Daun	ii
3.	Tandas Lelaki	Pintu Bilik Air	iii
4.	Bilik Stor	Pintu Rintangan Api 1 Jam	iv

(20 markah)

SOALAN 3

- a) Sijil Ujian serta ujian ke atas sampel paip pembetung yang siap dipasang boleh diminta oleh Pegawai Penguasa. Nyatakan **empat (4)** keadaan dimana Pegawai Penguasa boleh menolak bahagian paip pembetung yang telah siap dipasang.

(8 markah)

- b) Setiap bahagian paip pembetung perlu ditandakan/dicatat dengan jelas dengan maklumat tertentu. Namakan **dua (2)** daripada maklumat tersebut.

(2 markah)

- c) Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi pengambusan peparit dalam Kerja Saliran Air Permukaan dan Pembetung.

(10 markah)

SOALAN 4

Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi Kerja Penanaman Rumput dan Pokok untuk perkara berikut:

- a) Penanaman rumput
(6 markah)

- b) Penanaman pokok
(8 markah)

- c) Pemeliharaan dan pengawalan pokok yang sedia ada
(6 markah)

SOALAN 5

- a) Berikan definisi bagi perkara-perkara berikut berdasarkan Spesifikasi Piawai JKR:
 - i) Cerucuk Mampatan
 - ii) Cerucuk Tambatan
 - iii) Cerucuk Ujian
 - iv) Pemberat
 - v) Sistem Tindakbalas

(10 markah)

- b) Cerucuk yang telah diuji perlu dikemukakan oleh Kontraktor dengan menyediakan Jadual Data Data Yang Direkod. Berdasarkan Spesifikasi Piawai JKR, senaraikan data-data yang direkod mengenai:
 - i) **Lima (5)** perkara bagi Perkara Am
 - ii) **Lima (5)** perkara bagi Prosedur Ujian

(10 markah)

SOALAN 6

- a) Senaraikan **enam (6)** jenis kaca yang terdapat dalam Spesifikasi Piawai JKR.

(6 markah)

- b) Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi lurah dalam Kerja Pemasangan Kaca.

(2 markah)

- c) Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi pemasangan kaca berikut:

- i) Pemasangan kaca pada tingkap kayu
- ii) Pemasangan kaca pada tingkap logam

(12 markah)

SOALAN 7

- a) Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi Kehendak Am dalam Kerja Bumbung.

(4 markah)

- b) Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi jenis-jenis bumbung berikut:

- i) Genting Konkrit Saling Mengirat
- ii) Genting Tanah Liat

(16 markah)

SOALAN 8

a) Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi Kehendak Am dalam Kerja Melepa, Mengubin, Menjubin dan Memasang Genting yang berikut:

- i) Memperbaiki lepaan
- ii) Petak

(10 markah)

b) Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi Kerja Melepa yang berikut:

- i) Lepa Shanghai
- ii) Lepa Biasa

(10 markah)

SOALAN 9

a) Tuliskan Kehendak Am spesifikasi piawai JKR bagi Salur Tegak Air Hujan.

(8 markah)

b) Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi jenis jenis salur tegak air hujan berikut:

- i) Salur Tegak Zink
- ii) Salur Tegak Simen Asbestos
- iii) Salur Tegak Besi Tuangan
- iv) Salur Tegak Keluli Tekanan Bergalvani

(12 markah)

SOALAN 10

- a) Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi Kehendak Am dalam Kerja Saliran Kotoran.

(3 markah)

- b) Kontraktor perlu menjalankan ujian ke atas pemasangan paip saluran kotoran sebelum pengambusan paip saluran dilakukan. Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi kaedah Ujian Air.

(8 markah)

- c) Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi sambungan paip-paip dalam Kerja Saliran Kotoran yang melibatkan jenis paip berikut:

- i) Paip Besi Tuangan
- ii) Paip Simen Asbestos
- iii) Paip Klorida Polivinil Tak Plastik (*UPVC*)

(9 markah)
